

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN APLIKASI AL-QURAN DALAM TELEFON PINTAR

Zainora Daud (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 0192623681 E-Mail: zainora@usim.edu.my

Anuar Hasin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: anuarhasin@usim.edu.my

Norazman Alias

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: norazman@usim.edu.my

Solehah Hasbollah

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: solehahhasbollah@gmail.com

ABSTRAK

Kepelbagaian aplikasi al-Quran dalam sistem android yang dibangunkan dalam telefon pintar semakin mendapat sambutan yang amat baik dalam kalangan umat Islam. Ia menjadi salah satu alat alternatif yang memberi impak positif di dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti bacaan al-Quran. Namun begitu konsep talaqqi dan musyafahah wajib dijadikan asas keperluan dalam peringkat pendidikan al-Quran sebagaimana yang telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW, sahabat, tabi'in serta masa kini. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti latarbelakang pelajar dan mengkaji persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar. Seramai 84 orang pelajar tahun akhir, program Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM telah menjawab soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 79.8% pelajar lebih suka memilih untuk membaca al-Quran dengan menggunakan mashaf al-Quran. Namun begitu majoriti pelajar 86.9% memiliki aplikasi al-Quran di dalam telefon pintar. Ini menunjukkan bahawa kewujudan aplikasi al-Quran dalam sistem android menjadi salah satu keperluan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar, tetapi sebagai satu alternatif dalam rutin harian mereka kerana faktor-faktor latar belakang, pendidikan dan suasana persekitaran menyebabkan fasiliti penggunaan mashaf al-Quran menjadi satu medium terpenting dalam bacaan al-Quran. Kesimpulannya teknologi komunikasi yang giat berkembang dalam versi telefon pintar boleh menjadi salah satu alternatif dalam mempelbagaikan alat bantu mengajar serta memenuhi keperluan gaya hidup masa kini.

Kata Kunci: Penggunaan, Aplikasi al-Quran, Persepsi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

PENGENALAN

Penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar menjadi salah satu medium pembacaan serta rujukan terhadap ayat-ayat al-Quran sama ada dalam aspek pendidikan, penyelidikan dan sebagainya. Kepelbagaian aplikasi al-Quran dalam telefon pintar kian berkembang mengikut peredaran zaman teknologi maklumat.

Aplikasi al-Quran dalam sistem android yang dibangunkan di dalam telefon pintar oleh pembangun merangkumi pelbagai aspek pengurusan contohnya pengurusan kewangan, pengurusan perniagaan, sistem pembelian secara atas talian, pengurusan perbankan dan tidak terkecuali aspek yang melibatkan keagamaan seperti aplikasi solat, puasa, haji dan bacaan Al-Quran. Kewujudan aplikasi-aplikasi al-Quran dalam pelbagai bentuk dan versi masa kini memberi implikasi yang positif di kalangan umat Islam untuk membaca al-Quran, secara tidak langsung melahirkan masyarakat yang celik al-Quran.

Namun begitu konsep riwayat wajib diterapkan pada peringkat asas iaitu secara 'ardh dan talqin dengan membaca al-Quran di hadapan guru secara bersemuka sehingga mahir dan menjadi hafiz dalam pembacaan al-Quran.

Kaedah talaqqi ialah satu kaedah pertemuan antara guru dan murid iaitu secara bersemuka iaitu dengan cara guru membaca dan menyebut ayat-ayat al-Quran secara musyafahah, anak murid dalam keadaan diam dengan mendengar bacaan guru secara melihat pergerakan bibir semasa proses pengajaran dan pembelajaran seperti yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam proses penurunan al-Quran melalui malaikat Jibril dan anak murid akan mengulang Kembali apa yang dituturkan apa yang dibaca al-Quran. Seiring dengan perkembangan teknologi dan gaya hidup baru masyarakat yang terlalu sibuk agar masyarakat Islam berterusan memiliki minat yang mendalam dan cenderung untuk membaca, menghafaz, mempelajari, menghayati al-Quran sekali gus mampu mengamalkan isi kandungan al-Quran di dalam kehidupan mereka.

Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang pelajar dan mengkaji persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan instrumen borang soal selidik ke atas 84 orang pelajar tahun akhir, program Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

APLIKASI AL-QURAN DALAM TELEFON PINTAR

Teknologi komunikasi mudah alih ini telah menyediakan pelbagai alternatif dan kemudahan dalam berhubung, sebagai contoh telefon bimbit tidak lagi terhad bagi tujuan menerima dan membuat panggilan semata-mata. Kini, ia juga sudah dilengkapi dengan kemudahan menghantar dan menerima e-mail,

khidmat pesanan ringkas (SMS) dan khidmat pesanan multimedia (MMS) yang hadir dalam pelbagai bentuk gabungan muzik, gambar, jujukan-jujukan animasi dan rakaman video pendek.¹

Lantaran itu, kepentingan teknologi komunikasi mudah alih ini memberi fasiliti dan impak yang sangat positif sebagai salah satu medium sokongan untuk pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Aplikasi ialah atur cara atau program komputer yg direka khusus untuk kegunaan tertentu.² Aplikasi al-Quran dalam telefon pintar ialah atur cara atau program komputer alternatif yang direka untuk kemudahan dimuat turun oleh pengguna bagi membaca al-Quran.

Teknologi komunikasi dalam versi telefon pintar boleh menjadi satu alternatif untuk menyokong kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan al-Quran sedia ada dalam mempelbagaikan alat bantu mengajar. Alat aplikasi ini boleh digunakan bila-bila masa dan sangat sesuai mengikut keperluan gaya hidup masa kini untuk menambahbaik serta membaiki kualiti bacaan al-Quran secara individu dengan masa pembelajaran yang sangat optimum.³

Aplikasi-aplikasi al-Quran ini boleh dimuat turun dari *Google Play Store* sama ada secara percuma atau bayaran seperti:

a) Quran for Android

Aplikasi ini di bawah Projek Moshaf Elektronik yang diperkenalkan oleh Universiti King Saud yang merupakan sumber rujukan dalam tafsir arab dan terjemahan dalam pelbagai bahasa dan juga bacaan dari Dr.Aiman Suwaid. Logo Quran diambil dari tulisan daripada Kompleks Percetakan Quran Raja Fahad. Aplikasi ini boleh memuat turun semua ayat al-Quran secara visual dan audio dengan pilihan qari melebihi 30 orang, versi terjemahan banyak dan pelbagai seperti Bahasa Inggeris, Bosnia, Jepun dan lain-lain serta pelbagai kitab tafsir seperti kitab tafsir al-Baghawi, tafsir Jalalayn, Ibnu Kathir, al-Qurtubi, Tabari dan lain-lain serta kemudahan untuk penandaan, perkongsiaan, pencarian ayat-ayat al-Quran dan sebagainya.⁴

b) Smart Quran yang diperkenalkan oleh JAKIM merupakan satu aplikasi mudah alih al-Quran yang pertama telah dibangunkan dengan hasil kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Ia mengandungi bacaan 30 juzuk al-Quran melalui qari-qari terkenal iaitu Syeikh Abdullah Ibn Ali Basfarm, Syeikh Ali al Huzaifi, Syeikh Ibrahim al Akhdar dan Syeikh Muhammad Ayyub Ibn Muhammad Yusuf. Ia juga dimuatkan dengan terjemahan dalam versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.⁵

c) Bayan Quran yang dilengkapi dengan definisi perkataan, foniks iaitu bacaan al-Quran yang boleh diakses dengan ayat-ayat quran dalam empat bentuk antaranya satu perkataan, dua

¹ Donald (2003) dalam Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff dan Ammar Badruddin Romli. (2018) Kebolegunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Bagi Kursus Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan Dalam Islam (M-Istech) Di Politeknik Malaysia, Jurnal KUIS. Vol.2, No,1, 18-28.

² Maksud aplikasi dalam <https://prpm.dbp.gov.my>

³ *Op. Cit.*

⁴ Quran for Android dalam <https://play.google.com/store/apps/details?id=quranforandroid>.

⁵ Smart Quran dalam <http://www.islam.gov.my/smart-quran>.

perkataan atau satu ayat penuh secara audio dalam kaedah pengulangan tetapi cuma ada dalam surah al-Fatihah dan Juz 30 sahaja, terjemahan ayat mengikut perkataan sama ada secara per kata, morfologi, tatabahasa Arab dan telah ditambah dengan mesra pengguna iaitu boleh klik pada ayat-ayat yang dikehendaki maksud ayat.⁶

d) Quran Terjemah

Aplikasi ini juga mengandungi terjemahan serta bacaan Al-Quran di dalam tiga bahasa utama, iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu dan penggunaannya boleh dikongsi ayat terus dari aplikasi ke laman media sosial yang lain serta terdapat beberapa bacaan qari yang berbeza di dalam satu aplikasi. Dalam aplikasi ini ada pengulangan ayat-ayat al-Quran boleh diulang banyak kali mengikut keperluan pengguna.⁷

e) Quran Bahasa Melayu

Aplikasi ini pula dilengkapi dengan terjemahan Bahasa Melayu dan fungsi pemberitahuan waktu solat lokasi tempatan anda, penanda bacaan ayat, hukum-hukum tajwid yang berwarna tetapi pad asurah al-Fatihah an surah al-Baqarah sahaja dan boleh dikongsikan di media sosial dengan disediakan nota tambahan.⁸

f) Aplikasi MuslimPro

Aplikasi ini merupakan aplikasi yang terkenal di kalangan masyarakat Islam kerana terdapat ramai pengguna sehingga melebihi daripada 50,000 orang. Ia terdiri daripada ayat-ayat al-Quran beserta terjemahan dengan paparan skrip dalam bahasa arab, phonetics, terjemahan serta pembacaan audio (mp3) menerusi bacaan Qari terpilih, mempunyai fungsi pencarian kiblat, waktu solat yang tepat mengikut lokasi semasa pengguna, kalender Islam, waktu azan solat Azan dengan fungsi audio dan visual secara panggilan notifikasi untuk shalat dengan pelbagai suara muazzin untuk dipilih, waktu berbuka puasa dan waktu imsak, hukum-hukum tajwid yang berwarna, 99 nama Allah, tasbih untuk mengira jumlah zikir, lokasi masjid, tempat makan yang halal berdekatan anda serta kad-kad ucapan Islamik. Ia juga datang dengan terjemahan beberapa negara yang berbeza seperti Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, Deutsch, English, Espanol, Francais, Italiano, Nederlands, Portugeus dan banyak lagi.⁹

g) Ayat Quran

Aplikasi ini dibangunkan dari mushaf al-Madina. Mushaf al-Tajweed dan Mushaf, dilengkapi dengan bacaan qari-qari yang popular antaranya ada bacaan riwayat warshy an Nafi', mempunyai enam buku tafsir dalam bahasa Arab iaitu "Al-Saa'di, Ibn-Katheer, Al-Baghawy, Al-Qortoby, Al-Tabary and Al-Waseet" dan sebuah buku tafsir dalam bahasa Inggeris iaitu "Tafheem Al-Quran by Al-Maududi, ada buku i'rab Al-Quran oleh Qasim Da'aas, mempunyai terjemahan dalam 20 bahasa termasuk bahasa Melayu, suara terjemahan dalam al-Quran menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Urdu.¹⁰

h) Mushaf Tajweed

⁶ Bayan Quran (<https://itunes.apple.com/my/app/bayan-quran>).

⁷ Quran Terjemah <https://play.google.com/store/apps/details?id=org.quranterjemah>.

⁸ Quran Melayu, <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.martinvillar.android.quranmelayu>.

⁹ Muslim Pro <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.bitsmedia.android.muslimpro&hl=en>.

¹⁰ Ayat Quran (<https://play.google.com/store/apps/details?id=sa.edu.ksu.Ayat>).

Aplikasi ini juga merupakan aplikasi yang mempunyai warna-warna kod hukum tajwid mengikut kategori hukum yang diamalkan dalam bacaan al-Quran.¹¹

i) Holy Quran

Ia juga berfungsi sebagai aplikasi untuk membaca al-Quran sahaja. Aplikasi ini mempunyai pencarian mudah berdasarkan indeks surah dan juzuk dan boleh diletakkan “bookmarks” kepada ayat-ayat yang telah dibaca sebagai rujukan. Mempunyai ciri-ciri istimewa iaitu menu “*quick toolbar*” seperti *bookmark*, *night-mode*, *page sound*, *page overlay* dan sebagainya sehingga memudahkan para pengguna untuk mengakses ayat-ayat al-Quran dengan mudah dan cepat.¹²

Berdasarkan aplikasi-aplikasi al-Quran yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa ia merupakan salah satu kaedah atau medium pembacaan al-Quran yang lebih efektif dan inovatif. Kebanyakan aplikasi-aplikasi yang berada di pasaran memaparkan bacaan al-Quran dan terjemahan yang memfokuskan alat bantu dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Bahkan terdapat beberapa aplikasi al-Quran yang memaparkan proses hafazan dan ulangan seperti dimuatkan perkataan *memorizations*. Satu aplikasi pintar yang sangat menarik untuk para huffaz dengan bantuan teknologi dalam aspek proses hafazan juga telah dibina iaitu Huffaz M.¹³

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif telah digunakan dalam artikel ini dengan rekabentuk kajian deskriptif. Kajian dekriptif dijalankan untuk memberi penerangan yang sistematik berkaitan fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi dan bidang yang diminati.¹⁴ Soal selidik merupakan data premier dalam kajian ini. Satu set soalan dalam bentuk tulisan yang dibina khusus untuk mengumpul maklumat bagi menjawab persoalan kajian.¹⁵ Instrumen soal selidik merupakan kaedah yang berkesan dengan persampelan yang sesuai dan tepat dapat mewakili populasi yang sebenar.¹⁶

Persampelan secara rawak mudah dan sistematik di mana sekumpulan subjek akan dipilih secara seimbang sebagai responden kajian¹⁷ terhadap para pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia dengan 84 set soal selidik berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan dalam *Educational and Psychological Measurement*¹⁸

¹¹ Mushaf Tajweed <https://play.google.com/store/apps/details?id=ramadan.mushaftajweed>.

¹² Holy Quran <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.fanzetech.quran&hl>.

¹³ Norashidi Abbas. (2017). Huffaz M dicapai dalam <http://community.ump.edu.my/ecomstaff>.

¹⁴ Sidek Mohd Noah. (2011). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia: Serdang Sdn Bhd. 42

¹⁵ Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd. 120.

¹⁶ Mok Soon Sang. 2009. *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Penerbitam Multimedia Sdn Bhd. 185-186.

¹⁷ Uma Sekaran. 2003. *Research Methods For Business A Skill-Building Approach* ed. ke-4, Inc: US Amerika: John Wiley&Sons, 272-273.

¹⁸ Robert V. Krejcie dan Darylen W. Morgan. 1970. “*Determining Sample Size for Research Activities dalam Educational and Psychological Measurement*”, Vol. 30. Duluth: University of Minnesota. 607-610.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian merangkumi bahagian A berkaitan latar belakang pelajar dan bahagian B berkaitan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar yang ditunjukkan dalam jadual-jadual di bawah:

Dapatan kajian latar belakang pelajar meliputi maklumat umur, jantina, tahap pembacaan al-Quran, kekerapan membaca al-Quran, pendorong minat, sentiasa membaca di rumah, sentiasa mengingatkan dan sentiasa mengajak. Kesemua dapatan ini boleh dilihat dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Bahagian A Latar Belakang Pelajar

Item		Kekerapan	Peratusan
Umur	22-23	72	85.7%
	24-25	12	14.3%
Jantina	Lelaki	18	21.4%
	Perempuan	66	78.6%
Tahap Pembacaan al-Quran	Sangat Memuaskan	9	10.7%
	Memuaskan	62	73.8%
	Kurang Memuaskan	11	13.1%
	Tidak Memuaskan	2	2.4%
	Sangat Tidak memuaskan	0	0%
Kekerapan Membaca al-Quran sehari	Sekali	35	41.7%
	2 kali	38	45.2%
	3 kali	6	7.1%

	4 kali	3	3.6%
	5 kali	2	2.4%
Ibubapa, Guru, Kawan-kawan, Diri Sendiri	6 kali	2	2.4%
Pendorong Utama	Ya	72	85.7%
suka membaca al-Quran	Tidak	12	14.3%
Ibubapa dan kawan sering membaca al-Quran di rumah	Ya	79	94%
Mereka sering mengingatkan untuk sentiasa membaca al-Quran	Tidak	5	6%
Mereka sering mengajak untuk bersama-sama membaca al-Quran	Ya	68	81%
	Tidak	16	19%
	Ya	40	47.6%
	Tidak	44	52.4%

Sumber: Soal Selidik

Dapatan kajian dalam jadual 1 di atas menunjukkan responden majoriti responden berusia antara 22 hingga 23 tahun iaitu seramai 72 orang pelajar (85.7%) berbanding pelajar yang berusia antara 24-25 iaitu seramai 12 orang sahaja (14.3%). Manakala dari aspek jantina, 86 orang pelajar perempuan (78.6%) berbanding 18 orang pelajar lelaki (21.4%).

Dari aspek tahap pembacaan al-Quran menunjukkan bahawa 62 orang responden berada di tahap memuaskan (73.8%), 11 orang kurang memuaskan (13.1%), diikuti dengan sangat memuaskan 9 orang (10.7%) dan tidak memuaskan hanya 2 orang (2.4%).

Aspek kekerapan membaca al-Quran dalam sehari menunjukkan pelajar membaca dua kali sehari berada di tahap tertinggi iaitu 38 orang (45.2%), diikuti dengan sekali baca seramai 35 orang (41.7%), Hanya 6 orang responden yang membaca al-Quran tiga kali sehari, 3 orang pelajar empat kali sehari dan 2 orang pelajar (2.4%) lima kali sehari dan enam kali sehari.

Seramai 72 orang (85.7%) bersetuju ibubapa, guru dan kawan-kawan menjadi pendorong minat untuk membaca al-Quran berbanding 12 orang sahaja yang tidak bersetuju (14.3%). Bahkan 79 orang responden (94%) bersetuju mereka menjadi contoh ikutan kerana sentiasa membaca al-Quran di rumah berbanding 5 orang sahaja yang tidak bersetuju (6%). Seramai 68 orang (81%) bersetuju mereka sering mengingatkan untuk membaca al-Quran berbanding dengan 16 orang tidak bersetuju (19%). Manakala item mereka sering mengajak untuk bersama-sama membaca al-Quran seramai 44 orang (52.4%) bersetuju tetapi 40 orang tidak bersetuju (47.6%).

Jadual 2: Bahagian B Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi al-Quran dalam Telefon Pintar

Item	Kekerapan	Peratusan
------	-----------	-----------

Memiliki aplikasi al-Quran dalam telefon pintar	Ya	73	86.9%
	Tidak	11	13.1%
Minat membaca al-Quran dengan medium	Mashaf al-Quran	67	79.8%
	Aplikasi al-Quran dalam telefon pintar	17	20.2%
Sejak bila anda gunakan AQ yang disimpan dalam telefon pintar	1-2 tahun	19	22.6%
	3-4 tahun	36	42.9%
	5 tahun ke atas	29	34.5%
Sering membaca al-Quran dengan menggunakan AQ	Ya	29	34.5%
	Tidak	55	65.5%
Kekerapan Penggunaan AQ sehari	Sekali	58	69%
	Dua Kali	19	22.6%
	Tiga Kali	5	6%
	Empat Kali	0	0%
Adakah AQ dalam telefon pintar menarik perhatian anda untuk membaca al-Quran	Lima Kali	2	2.4%
	Ya	62	73.8%
Adakah minat masyarakat membaca al-Quran semakin meningkat dengan penggunaan AQ dalam telefon pintar.	Tidak	22	26.2%
	Ya	46	54.8%
	Tidak	1	1.2%
Adakah anda sedar dan tahu ada tanda-tanda hukum tajwid ketika membaca AQ yang digunakan	Tidak Pasti	37	44%
	Ya	58	69.0%
Adakah anda perlu mengambil wudhu'	Tidak	26	31.0%
	Ya	11	13.1%
Adakah anda perlu mengambil wudhu'	Ya	73	86.9%
	Tidak	11	13.1%
Adakah anda sedar dan tahu ada tanda-tanda hukum tajwid ketika membaca AQ yang digunakan	Ya	73	86.9%
	Tidak	49	58.3%
Adakah anda perlu mengambil wudhu'	Ya	35	41.7%
	Tidak	66	78.6%
Adakah anda perlu mengambil wudhu'	Ya	18	21.4%

**untuk membaca al- Tidak
Quran dengan AQ
Dilarang membawa
telefon pintar yang
mengandungi AQ**

**Perasaan membaca
AQ dalam telefon
pintar sama seperti
menggunakan
mashaf al-Quran
Percaya dan yakin
bahawa perisian AQ
tidak bercanggah
dengan Mashaf al-
Quran**

Sumber Soal Selidik

Jadual 2 di atas menunjukkan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar. Terdapat 73 (86.9%) orang responden memiliki aplikasi al-Quran dalam telefon pintar berbanding yang tiada iaitu 11 orang pelajar (13.1%) tetapi hanya 17 orang (20.2%) sahaja yang minat membaca al-Quran melalui aplikasi dalam telefon pintar berbanding dengan 67 (79.8%) orang yang suka membaca al-Quran dengan menggunakan mashaf.

Jika dilihat dari aspek penstoran aplikasi al-Quran yang digunakan dalam telefon pintar, tempoh tertinggi ialah tiga hingga empat tahun ke atas sebanyak 36 orang pelajar (42.9%), diikuti dengan tempoh lima tahun ke atas iaitu 29 orang (34.5%) dan tempoh antara 1 hingga 2 tahun pula ialah 19 orang (22.6%). Responden bersetuju tidak sering menggunakan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar mencatatkan sebanyak 55 orang (65.5%) berbanding hanya 29 orang (34.5%) yang menjadikan aplikasi dalam telefon pintar sebagai alat membaca al-Quran.

Dari aspek kekerapan dalam penggunaan aplikasi al-Quran menunjukkan bahawa penggunaan sekali sahaja dalam sehari iaitu 58 orang (69%), 19 orang dua kali sehari (22.6%), tiga kali sehari lima orang (6%), tiada responden (0%) empat kali penggunaan tetapi terdapat 2 orang responden (2.4%) yang menggunakan lima kali aplikasi al-Quran dalam telefon pintar.


Manakala dari aspek aplikasi al-Quran menjadi sebagai alat menarik perhatian untuk membaca al-Quran mencatatkan bahawa 62 orang (73.8%) responden bersetuju tetapi 22 orang (26.2%) tidak bersetuju. Responden juga bersetuju iaitu 46 orang (54.8%) bahawa aplikasi al-Quran dalam telefon pintar menjadi salah satu faktor peningkatan bacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat masa kini tetapi 37 orang (44%) responden mencatatkan tidak pasti dan diikuti dengan seorang responden (1.2%) tidak bersetuju.

Responden juga bersetuju 58 orang (69%) bahawa terdapat tanda-tanda hukum tajwid dalam aplikasi al-Quran berbanding 26 orang (31%) yang tiak bersetuju. Dari aspek keperluan mengambil wudhu' ketika

membaca aplikasi al-Quran mencatatkan 73 orang (86.9%) tidak bersetuju berbanding 11 orang (13.1%) bersetuju. Seramai 11 orang (13.1%) juga bersetuju item dilarang membawa telefon pintar yang mengandungi aplikasi al-Quran berbanding 73 orang (86.9%) tidak bersetuju.

Dari aspek perasaan membaca aplikasi al-Quran dalam telefon pintar sama dengan mashaf mencatatkan bahawa 35 orang (41.7%) bersetuju dan 49 orang (58.3%) tidak bersetuju. 66 orang (78.6%) responden percaya dan yakin bahawa perisian aplikasi al-Quran dalam telefon pintar tidak bercanggah dengan mashaf al-Quran.

Carta 1: Bahagian B Jenis-jenis Aplikasi al-Quran Responden dalam Telefon Pintar



Carta 1 di atas menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Quran for Android mencatatkan data tertinggi iaitu seramai 44 orang pelajar (52.4%), diikuti dengan 23 orang (27.4%) menggunakan aplikasi Muslim Pro, 4 orang pelajar (4.8%) menggunakan aplikasi Ayat al-Quran, 3 orang pelajar (3.6%) menggunakan aplikasi al-Quran Tajweed, 2 orang responden (2.4%) memilih Learn Quran Tajwid, Quran Pro dan lain-lain. Manakala hanya seorang responden (1.2%) sahaja yang menggunakan aplikasi Smart Quran, Bayan Quran, Quran Bahasa Melayu dan Simple dalam telefon pintar mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini masih merupakan kajian tinjauan awal yang dilaksanakan terhadap pelajar di institusi pengajian tinggi. Hasil dapatan latar belakang pelajar menunjukkan majoriti pelajar tahun akhir bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian berumur antara 21-

23 tahun. Ini selari dengan syarat-syarat kemasukan bagi program ini ialah lepasan Matrikulasi, STAM, STPM dan Diploma USIM.

Dari aspek jantina, jumlah pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Ini selaras dengan hasil kajian yang telah dijalankan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM bahawa pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki sebanyak 81.6%. Bahkan disokong juga dengan hasil penyelidikan berkaitan jantina, pelajar perempuan banyak mendominasi program-program seperti pendidikan (64.8%), sumber manusia 74.8%, alam bina (59.5%).

Aspek tahap bacaan al-Quran berada dalam keadaan memuaskan kerana 84.5% responden mampu membaca al-Quran dengan baik. Ini bersesuaian dengan tahap pendidikan responden yang mempunyai pengkhususan dalam bidang pengajian Islam. Selaras dengan hasil kajian menunjukkan tahap pencapaian mata pelajaran pengajian Islam dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia memberi kesan kepada tahap penguasaan dalam bacaan al-Quran.

Kekerapan membaca al-Quran menunjukkan majoriti responden membudayakan bacaan al-Quran secara konsisten sama ada sekali atau dua kali sehari memberi kesan kepada tahap pembacaan al-Quran yang tinggi dalam kalangan mereka. Ini bertepatan dengan hasil kajian bahawa antara salah satu faktor mempengaruhi keupayaan bacaan al-Quran ialah sikap dan penekanan terhadap kepentingan amalan membaca al-Quran dalam kehidupan,

Faktor ibubapa, guru dan kawan-kawan memainkan peranan penting untuk membaca al-Quran secara berterusan dalam rutin kehidupan. Bertepatan dengan hasil kajian Ahmad Rozaini Ali Hassan bahawa terdapat pengaruh faktor ibubapa dalam pencapaian tahap bacaan al-Quran pelajar. Ini juga disokong dengan hasil kajian menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa ibubapa sering membaca dan mengingatkan mereka untuk membaca al-Quran. Faktor sikap ibubapa yang mengutamakan pencapaian akademik dengan membelakangkan kebolehan membaca al-Quran juga menyumbang ketidakupayaan menguasai bacaan al-Quran dengan baik.

Hasil kajian yang terpenting menunjukkan bahawa majoriti pelajar memiliki aplikasi al-Quran yang telah disimpan dalam telefon pintar tetapi hanya minoriti dalam kalangan responden yang minat menggunakan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar sebagai medium bacaan. Bahkan sebahagian besar dalam kalangan mereka juga tidak sering menggunakan aplikasi al-Quran.

Walau bagaimanapun majoriti mereka bersetuju bahawa aplikasi al-Quran menarik perhatian untuk membaca al-Quran dan mereka juga tahu dan sedar terdapat tanda-tanda hukum tajwid yang telah dipaparkan dalam aplikasi al-Quran tetapi hanya sebahagian sahaja bersetuju bahawa aplikasi al-Quran ini mampu meningkatkan pembacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat.

Hasil kajian ini juga mendapati terdapat minoriti pelajar yang bersetuju perlu mengambil wudhu' sebelum membaca aplikasi al-Quran dalam telefon pintar dan dilarang membawa telefon tersebut di dalam tandas. Harus hukumnya mengangkat wudhu' untuk membaca ayat-ayat al-Quran di aplikasi dalam telefon pintar kerana aplikasi al-Quran bukan mushaf al-Quran, bahkan hanya paparan tulisan di atas skrin dan ia bersifat tidak kekal.

Majoriti pelajar percaya dan yakin bahawa aplikasi al-Quran dalam telefon pintar menyamai kandungan ayat-ayat al-Quran dalam mashaf al-Quran tetapi hanya 58% peritus sahaja bersetuju bahawa membaca al-Quran dalam telefon pintar boleh menimbulkan perasaan tadabbur.

Kesimpulannya, persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar berada dalam keadaan baik dengan data tertinggi penggunaan aplikasi Quran for Android namun perlu penambahbaikan dari aspek kefahaman mereka berkaitan hukum-hukum syariat Islam berkaitan penggunaan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar.

RUJUKAN

Al-Quran

‘Abd al-Salām Maqbal al-Majīdiyy. (2001). Talaqqiy al-Nabī alfāz al-Qur’ān al-Karīm cet.per-1, Beyrūt, Lubnān: Mu’assash al-Risālah.

Ahmad Khalid Syukri etal, (2010). al-Munir fi Ahkam al-Tajwid. Jam’iyyah al-Muhafazah ‘ala al-Quran al-Karim. Amman: al-Matabi’ al-Markaziyyah.

Ahmad Rozaini Ali Hassan, Omar, Sharifah Anom and Wan Yon, Wan Ariffin. (2009) Kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Sarawak dalam <http://ir.uitm.edu.my>

Ayat Quran (<https://play.google.com/store/apps/details?id=sa.edu.ksu.Ayat>).

Azarudin Awang, and Azman Che Mat, and Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub, (2011) Tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar di UITM Terengganu. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 3 (2). Terengganu: UiTM.pp. 83-100

Donald (2003) dalam Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff dan Ammar Badruddin Romli. (2018) Kebolegunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Bagi Kursus Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan Dalam Islam (M-Istech) di Politeknik Malaysia, Jurnal KUIS. Vol.2, No,1, 18-28. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Hamidah Binti Abdul Rahman etal. (2004). Kajian Mengenai Tahap Kualit Pendidikan Tinggi Dari Perspektif Pelajar Di Pusat Pengajian Penyelidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Holy Quran <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.fanzetech.quran&hl>.

Jamaliah Ibrahim etal, (2012). Mobile Application of Quran and Arabic Language for Interactive and Self Learning Assistant: A Review Prosiding The 2nd Annual International Qur’anic Conference MUQADDAS. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR).

Maksud aplikasi dalam <https://prpm.dbp.gov.my>

- Mok Soon Sang. 2009. *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Penerbitam Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad Fathi Noor Din. (2020) dalam [www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa siri-ke-496](http://www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-siri-ke-496)
- Mushaf Tajweed <https://play.google.com/store/apps/details?id=ramadan.mushaftajweed>.
- Nasir B. Mohamad dan Rubiyah Bt. Haron. (1997). *Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran di Kalangan Guru Pelatih Bukan Pengkhususan Pengajian Agama Islam*.Kedah: Jab.Peng.Islam dan Moral:Institut Perguruan Darul Aman.
- Norashidi Abbas, (2017). Huffaz M dicapai dalam [http:// community. ump.edu.my /ecomstaff](http://community.ump.edu.my/ecomstaff).
- Quran for Android dalam [https://play.google.com/store/apps /details?id=quranforandroid](https://play.google.com/store/apps/details?id=quranforandroid).
- Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan. (1970). “Determining Sample Size for Research Activitie dalam Educational and Psychological Measurement”, Vol. 30. Duluth: University of Minnersota. 607-610.
- Rohana Zakaria, etal, (2016), *Aplikasi Telefon Pintar Sebagai Alat Bantu Tadabbur Al-Quran*, Prosiding Seminar IRSYAD, KUIS: Selangor.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Sidek Mohd Noah. (2011). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia: Serdang Sdn Bhd
- Syarat kemasukan program-program di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM dalam fpqs.usim.edu.my.
- Uma Sekaran. (2003). *Research Methods For Bussiness A Skill-Building Approach ed.ke-4*, Inc: US Amerika: John Wiley&Sons, 272-273.
- Zainora Daud etal.(2018). *Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat*. JFatwa,edisi khas Universiti Sains Islam Malaysia: Nilai.